

## Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina

Celinea Lasan<sup>1\*</sup> dan Shamsul Aizuwani Nawi<sup>1</sup>

<sup>1</sup>IPG Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur.

### ABSTRAK

*Penulisan ini membincangkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dalam mendepani era revolusi Industri 4.0. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan dilaksanakan secara kajian kes di salah buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di daerah Klang, Selangor. Pemerhatian pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah telah dilaksanakan bagi mendapatkan data utama. Seterusnya, triangulasi data dijalankan melalui temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen. Kajian ini mengetengahkan tiga objektif utama iaitu untuk mengenal pasti penguasaan kemahiran menulis bahasa Melayu murid SJKC. Selain itu, penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa dalam kalangan murid di SJKC juga dikenal pasti. Seterusnya, kajian ini juga mengenal pasti penggunaan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis bahasa Melayu di SJKC. Peserta kajian dipilih secara persampelan bertujuan yang terdiri daripada tiga orang murid Tahun Tiga dari kelas berlainan dan tiga orang guru bahasa Melayu yang mengajar Tahun Tiga di sekolah kajian. Hasil pemerhatian pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, temu bual dengan peserta kajian dan analisis dokumen ditranskripsikan dan dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti Mac versi 1.6.0 (484). Data dianalisis secara deskriptif dan dipersembahkan dalam bentuk naratif. Dapatan kajian menunjukkan murid menggunakan strategi penyooalan, penjelasan, perumusan dan peramalan dalam kemahiran menulis bahasa Melayu. Penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid di SJKC adalah sederhana. Dapatan juga menunjukkan murid Tahun Tiga SJKC juga kurang berminat dalam penulisan karangan bukan naratif dan kurang menggunakan bahan sastera dalam pembelajaran kemahiran menulis bahasa Melayu. Hasil kajian ini dapat digunakan dalam penambahbaikan pembinaan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi kemahiran menulis bahasa Melayu. Kajian ini juga memberi manfaat kepada guru-guru bahasa Melayu dalam usaha meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid di Sekolah Jenis Kebangsaan.*

**Kata Kunci:** Kemahiran Menulis Bahasa Melayu, Penguasaan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua dan Penggunaan Bahan Sastera.

### ABSTRACT

*This writing discusses the teaching and learning of Malay language writing skills at the Chinese National Type School (CNTS) in the era of the Industrial Revolution 4.0. This study uses a qualitative method which is carried out in a case study at one of the Chinese National Type Schools in Klang, Selangor. Teaching and learning observations in the classroom has been carried out to get the main data. Subsequently, triangulation of data was conducted through semi-structured interviews and document analysis. This study highlighted three main objectives namely to identify the mastery of the Malay language skills of CNTS students and the mastery of Malay as a language among students in CNTS was also identified. Furthermore, this study also identifies the use of literary materials in the teaching and learning of Malay language writing skills at CNTS. The participants were selected by a random sampling consisting of three Year Three students from different classes and three Malay language teachers who taught Year Three in the school. The results of teaching and learning observations in the classroom, interviews with study participants and document*

---

\*Koresponden: [celinea@ipgkbm.edu.my](mailto:celinea@ipgkbm.edu.my)

*analysis were transcribed and analyzed using the Atlas.ti Mac version 1.6.0 (484). Data is analyzed descriptively and presented in narrative form. The findings show that students use the strategies of questioning, explanation, formulation and prediction in Malay language writing skills. The mastery of Malay as a second language among students in CNTS is less satisfactory. The findings also show that Year Three students are also less interested in writing non-narrative essays and less using literary materials in learning Malay language skills. The results of this study can be used to improve the development of the Curriculum and Assessment Standard Document (CASD) for Malay language writing skills. This study also benefited the teachers of Malay language in order to improve the mastery of Malay language among students in National Type Schools.*

**Keywords:** Malay Language Writing Skills, Mastery of Malay Language as a Second Language and the Use of Literary Materials.

## **PENGENALAN**

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 hingga 2025 menggariskan pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Melayu di sekolah rendah berfokus pada kemahiran literasi dan aplikasi bahasa yang melibatkan kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis, kemahiran seni bahasa dan tatabahasa. Justeru, tuntutan pendidikan bahasa Melayu perlu seiring dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0 (RI 4.0) yang membawa kesan langsung dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan bahasa khususnya yang menjadi asas kepada keberhasilan dan kemenjadian murid dalam pembelajaran. Penekanan dalam kemahiran menulis bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) merupakan kemahiran yang penting bagi memenuhi fungsi sosial dalam aktiviti kehidupan harian murid. Sehubungan itu, PdP kemahiran menulis untuk murid Tahap I di sekolah rendah melibatkan kemahiran menulis asas iaitu mengenal dan menulis abjad, membentuk perkataan, frasa serta ayat. Kemahiran menulis bagi murid di Tahap II pula melibatkan pengaliran idea dan perasaan sebagai fungsi komunikasi dalam bentuk tulisan.

Pengajaran Kemahiran menulis murid di Tahap I menekankan pembelajaran yang menyeronokkan serta berkonsepkan aktiviti didik hibur. Aktiviti didik hibur yang mengaplikasikan pelbagai pendekatan dan teknik seperti nyanyian dan permainan serta penggunaan pelbagai bahan yang menarik dapat membantu murid menguasai dan menghayati pembelajaran bahasa Melayu. Sementara itu, murid di Tahap II pula diberi penekanan dalam aplikasi kemahiran bahasa. Melalui penguasaan kemahiran bahasa ini, murid dapat berkomunikasi dalam pelbagai situasi dengan lebih berkesan. Murid dapat meningkatkan penguasaan kosa kata dan tatabahasa yang baik bagi membantu murid menghasilkan penulisan yang kreatif dan berkualiti. PdP bahasa Melayu bagi murid di sekolah rendah ini sesuai diaplikasikan di bilik darjah Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) ke arah keberhasilan PPPM 2013 hingga 2025. PdP ini juga merupakan penanda aras keberkesanan pendidikan abad ke-21 dalam konsep pendidikan era RI 4.0 sebagaimana dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif yang hendak dicapai dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mengetahui penguasaan kemahiran menulis bahasa Melayu murid SJKC.
- ii. Mengetahui penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid di SJKC.
- i. Mengetahui penggunaan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis bahasa Melayu di SJKC.

## TEORI PEMBELAJARAN

Teori-teori pembelajaran yang berkaitan dengan kajian ini dijelaskan sesuai dengan konteks pengajaran dan pembelajaran bagi membantu murid memperoleh ilmu pengetahuan melalui pembinaan maklumat-maklumat baharu dalam PdP kemahiran menulis murid di SJKC. Teori-teori kajian yang mendasari kajian ini adalah teori pembelajaran konstruktivisme dan teori pembelajaran pembelajaran kognitif. Proses pembelajaran melalui teori konstruktivime mampu mengerakkan minda murid untuk menjana peraturan dan panduan bagi memahami dunia sekeliling mereka serta membentuk pembelajaran bermakna yang diterjemahkan dalam perkataan dan rangkaian ayat melalui kemahiran menulis. Menurut Aejaz Masih dan Bushra Hussain (2013), pembelajaran bermakna di dalam kelas berlaku apabila murid terlibat secara aktif dalam proses membina makna bukannya proses menerima maklumat sekadar memenuhi kehendak dan menghafal maklumat semata-mata. Justeru, murid secara semula jadi mempunyai motivasi intrinsik (*intrinsic motivation*) untuk belajar dan membangun pembelajaran mereka melalui pemikiran yang kritis yang dibina melalui pembelajaran konstruktivisme (Celinea Lasan & Zamri Mahamod, 2017; Gagnon & Collay, 2006; Jonassen, 1999).

Sementara itu, teori pembelajaran kognitif pula menegaskan individu murid menggunakan sistem mindanya dengan melakukan pemerhatian yang terperinci secara aktif dan reflektif terhadap perkara yang diketahui dan tidak diketahui (Desaute, l, 2009; Ellis & Hudson, 2010, Nazeri Mohammad, 2014). Pengetahuan tentang refleksi sendiri dan pengurusan terhadap proses kebolehan berfikir serta menguasai kemahiran menulis akan mengaktifkan pemikiran murid dan membawa kepada peningkatan prestasi pembelajaran (Leavitt, 2010; Coskun, 2010). Semasa proses pembelajaran berlangsung, seseorang murid dapat menggunakan keupayaan kognitif yang tinggi ke arah pemikiran tahap tinggi seperti menganalisis, mensintensis dan menilai dan penulisan (Louca-Papaleontiou, 2008; Nazeri Mohammad, 2014; Celinea Lasan & Zamri Mahamod, 2016).

Semasa proses pembelajaran kognitif berlangsung, murid boleh memilih kemahiran dan strategi pembelajaran yang sesuai mengikut keperluan latihan pembelajaran mereka. Proses kognitif berkait rapat dengan motivasi dan pencapaian akademik murid kerana pembelajaran kognitif melibatkan fungsi minda yang aktif untuk menaakul dan memahami sesuatu yang dimuridi dengan lebih teliti. Dengan demikian, kedua-dua teori pembelajaran konstruktivisme dan teori pembelajaran kognitif dijadikan landasan dalam kajian PdP kemahiran menulis murid di SJKC ini. Pengertian terhadap pengajaran dan pembelajaran memberi makna yang saling berkaitan iaitu pengajaran merujuk kepada aktiviti guru dalam menyampaikan kandungan pelajaran melalui usaha membimbing, menggalak dan memotivasikan murid manakala pembelajaran pula merujuk kepada aktiviti murid memperoleh ilmu pengetahuan dan menguasai kemahiran menulis (Adenan Ayob & Khairuddin Mohamad, 2012).

## METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini bersifat kes kualitatif yang melibatkan prosedur persampelan, prosedur pengumpulan data, dan penganalisan data. Prosedur pengumpulan data terdiri daripada proses mengenal pasti peserta kajian, kebenaran menjalankan kajian, pengendalian instrumen kajian, kesahan dan kebolehpercayaan kajian. Pengendalian instrument kajian meliputi protokol temu bual, senarai semak pemerhatian dan analisis dokumen. Pengkaji telah menggunakan perisian *AtlasTi Mac versi 1.6.0 (484)*, sementara semakan dan pengesahan beberapa orang pakar dalam bidang tertentu juga diperlukan. Kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) telah digunakan dalam kajian ini, iaitu kaedah mengambil sampel daripada mana-mana individu dalam populasi yang memenuhi kriteria sebagai peserta kajian. Dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan ini, maklumat mengenai perkara yang dikaji dapat diperoleh secara tepat, holistik dan bermakna (Othman Lebar, 2012; Celinea Lasan & Zamri Mahamod, 2016).

Sementara itu, lokasi kajian yang dipilih melibatkan sebuah sekolah SJKC di daerah Klang, Selangor. Lokasi sekolah yang berdekatan dengan kawasan perindustrian, pusat perniagaan dan kawasan pelabuhan yang berpenduduk padat memberi gambaran latar belakang murid yang berbeza. Pemilihan peserta dalam kajian ini pula melibatkan kaedah persampelan bertujuan (*Purposive sampling*). Persampelan bertujuan membantu pengkaji memahami dengan lebih baik bidang yang dikaji. (Patton, 2002; Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2016; Celinea Lasan & Zamri Mahamod, 2017).

Sebanyak tiga buah kelas Tahun 3 Tahap 1 di salah sebuah SJKC di Klang, Selangor dilibatkan dalam kajian ini. Ketiga-tiga kelas ini kesemuanya terdiri daripada 95 orang murid Tahun 3 yang dilibatkan dalam ujian pra dan ujian pos kemahiran menulis. Pemerhatian PdPdi dalam bilik darjah juga dijalankan terhadap ketiga-tiga buah kelas ini. Seramai tiga orang guru bahasa Melayu yang mengajar kelas Tahun 3 dan tiga orang murid Tahun 3 dipilih sebagai peserta kajian yang terlibat dengan temu bual bersama pengkaji.

**Jadual 3.1** Pemilihan peserta kajian murid dan guru

Bil.	Peserta Kajian	Latar Belakang Peserta Kajian
1.	Kelas: 3 buah kelas Tahun 3 Tahap 1 (K1, K2, K3)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mata murid Bahasa Malaysia sebagai mata murid wajib.</li> <li>• Mempunyai bilangan murid antara 30 hingga 35 orang bagi setiap kelas.</li> <li>• 90 % murid adalah dari kaum Cina.</li> <li>• Mempunyai kelengkapan kemudahan pengajaran dan pembelajaran (PdP)</li> <li>• Bilik kelas yang ceria dan kondusif.</li> <li>• Kemudahan pengajaran dan pembelajaran</li> </ul>
2.	Murid: 3 orang murid Tahun 3 (M1, M2, M3)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Murid kaum Cina.</li> <li>• Berumur sembilan hingga sepuluh tahun.</li> <li>• Belajar di Tahun 3 Tahap 1 di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.</li> <li>• Boleh bertutur dan memahami, membaca dan menulis dalam bahasa Melayu.</li> <li>• Berpencapaian tinggi dan sederhana dalam bahasa Melayu berdasarkan peperiksaan akhir Tahun 2.</li> </ul>
3.	Guru: 3 orang guru (G1, G2, G3)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merupakan guru terlatih opsyen bahasa Melayu sekolah rendah.</li> <li>• Berpengalaman mengajar bahasa Melayu lima hingga sepuluh tahun di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina</li> <li>• Mengajar bahasa Melayu Tahun 1 Tahun 5 di sekolah kajian.</li> <li>• Terlibat mengajar bahasa Melayu untuk peserta murid kajian.</li> <li>• Melibatkan diri dengan aktif dalam semua program yang berkaitan dengan kemahiran menulis bahasa Melayu di sekolah.</li> <li>• Mempunyai inisiatif tinggi dalam membantu meningkatkan penguasaan kemahiran menulis dalam bahasa Melayu</li> </ul>

**Jadual 3.2** Pencapaian Bahasa Melayu peserta kaji murid tahun 3

Peserta kajian	Sekolah	Jantina	Tahap	Umur (tahun)	Peratus BM 011	Suku Kaum
M1	SK1	Perempuan	1	9	80%	Cina
M2	SK1	Lelaki	1	9	85%	Cina
M3	SK2	Perempuan	1	10	90%	Cina

**Jadual 3.3** Latar belakang peserta kajian Guru Bahasa Melayu

Peserta kajian	Sekolah/ Kelas	Jantina	Umur	Pengalaman mengajar	Opsyen BM	Akademik tertinggi
G1	SK1/K1	Perempuan	35	10 tahun	BM	Sarjana Muda
G2	SK2/K2	Perempuan	32	8 tahun	BM	Sarjana Muda
G3	SK3/K3	Perempuan	30	5 tahun	BM	Sarjana Muda

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian kualitatif terdiri daripada (i) penguasaan kemahiran menulis bahasa Melayu murid SJKC, (ii) penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua kalangan murid di SJKC dan (iii) penggunaan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis bahasa Melayu di SJKC. Dapatan kajian diperoleh melalui temu bual secara mendalam dengan peserta kajian, pemerhatian pembelajaran di dalam bilik darjah, analisis dokumen dan hasil ujian pra dan ujian pos kemahiran menulis jenis karangan penceritaan atau keperihalan bagi Tahun 3 Tahap I. Dapatan kajian disusun dan dibincangkan mengikut urutan soalan bagi memudahkan pemahaman. Kesemua dapatan kajian telah menjawab setiap satu soalan kajian dan telah dianalisis melalui perisian ATLAS.ti Mac versi 1.6.0 (484).

### Dapatan Kajian Bagi Menjawab Soalan Kajian Pertama

Kemahiran menulis bahasa Melayu di SJKC menunjukkan murid-murid Tahun 3 Tahap 1 di sekolah kajian sangat menyukai aktiviti menulis karangan. Kemahiran menulis bahasa Melayu diajarkan oleh guru selaras dengan DSKP Bahasa Melayu Tahun 3 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Tajuk penulisan yang diajarkan merangkumi jenis karangan fakta, penceritaan dan keperihalan. Hasil dapatan pemerhatian di dalam bilik darjah mendapati murid kurang berminat dengan aktiviti menulis karangan. Murid kurang bersemangat dan PdP juga kurang terancang dan kurang tersusun. Latihan menulis karangan murid Tahun 3 hanya menyambung ayat dan membina ayat bagi menghasilkan perenggan karangan. Aktiviti yang kurang mencabar ini menyebabkan penguasaan bahasa Melayu murid SJKC lemah.

Namun demikian, pemerhatian semasa pelaksanaan PdP di bilik darjah menunjukkan murid terlibat aktif dalam aktiviti soal jawab bersama guru dan rakan-rakan. Murid juga dapat menjelaskan tajuk karangan dengan mudah dan dapat merumuskan dan menyusun isi-isi penting mengikut urutan perenggan. PdP guru lebih terancang dan tersusun. Fungsi guru di dalam bilik darjah sebagai fasilitator dapat dilihat dengan jelas apabila guru hanya perlu membimbing kumpulan murid memahami tugas. Murid-murid boleh melaksanakan tugas menulis mereka dengan bersoal jawab dan berbincang dalam kumpulan.

Dapatan pemerhatian kemahiran menulis bahasa Melayu di SJKC ditriangulasikan dengan temu bual peserta murid kajian. Hasil temu bual menunjukkan murid menyukai aktiviti menulis karangan yang mudah. Murid bersoal jawab dengan ayat yang mudah serta dapat menjelaskan isi

karangan, merumuskan isi-isi penting dan menyusun isi mengikut urutan perenggan.

Contoh transkrip temu bual peserta kajian murid:

“ Saya sangat suka tulis karangan, cikgu banyak ajar.” (K1/M1/TB1)

“Cikgu ajar, saya tulis, karangan ini jadi senang buat.” (K2/M2/TB2)

“Saya tanya cikgu kalau saya tidak faham. saya juga ada tanya kawan. Kawan saya boleh tolong ajar saya.” (K3/M3/TB2)

Triangulasi melalui temu bual bersama peserta kajian guru juga mendapati bahawa murid-murid Tahun 3 SJKC kurang bersoal jawab serta kurang berani dan yakin semasa aktiviti menulis karangan. Murid juga sukar memahami soalan karangan dan dapat bertanyakan dengan kawan-kawan mereka sekiranya mereka kurang faham. Aktiviti berkumpulan pula menunjukkan murid tidak dapat menjelaskan isi karangan, merumus serta menyusun isi-isi penting mengikut urutan.

Contoh transkrip temu bual peserta kajian guru:

“Semasa aktiviti kemahiran menulis karangan dijalankan, murid-murid saya selalunya kurang fokus dan asyik bermain sahaja. Saya memang mengharapkan dapat membimbing mereka menggunakan kemahiran menulis karangan bahasa Melayu dengan lebih mudah dan efektif.” (K1/G1/TB1)

“Murid saya kurang berani bersoal jawab dalam kumpulan dan hanya nak siap cepat saja. Saya berusaha bimbing mereka dari awal supaya mereka bersungguh-sungguh siapkan karangan sendiri.” (K2/G1/TB2)

“Murid saya juga sebenarnya kurang minat dengan penulisan karangan. Namun, saya cuba membawakan pengajaran kemahiran menulis saya menjadi lebih mudah dan sangat menyeronokkan. Kadang kala saya tayangkan cerita daripada *youtube* supaya murid saya dapat membayangkan peristiwa yang akan mereka tulis mengaitkan cerita mengikut pengalaman lepas mereka.” (K2/G2/TB2)

### **Dapatan Kajian Bagi Menjawab Soalan Kajian Kedua**

Dapatan kajian melalui temu bual bersama peserta kajian murid juga mendapati bahawa murid-murid Tahun 3 SJKC lebih selesa menggunakan bahasa pertama apabila berkomunikasi dengan rakan-rakan mereka. Penguasaan bahasa Melayu yang lemah menyebabkan murid-murid SJKC kurang yakin menggunakan bahasa Melayu apabila berkomunikasi dengan rakan-rakan dan guru-guru.

Contoh transkrip temu bual peserta kajian murid:

“ Saya cakap Cina dengan kawan-kawan lebih senang nak faham. Saya Cuma cakap BM bila cikgu suruh saja.” (K1/M1/TB1)

“Ya, saya ada guna BM, tapi jaranglah. Dengan cikgu dan kawan bukan Cina saya akan cakap BM dan BI” (K2/M2/TB2)

“Saya suka kalau cikgu suruh cerita dalam BM, tapi saya kurang pandai lah. Cikgu banyak tolong. Lepas itu saya boleh tulis cerita itu dengan baik.” (K3/M3/TB2)

Triangulasi melalui temu bual bersama peserta kajian guru juga mendapati bahawa murid-murid Tahun 3 SJKC lemah menguasai bahasa Melayu disebabkan mereka kurang menggunakan bahasa Melayu dalam pertuturan seharian. Latar belakang murid dan pergaulan murid juga mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu yang lemah dalam kalangan murid di SJKC.

Contoh transkrip temu bual peserta kajian guru:

“Murid saya kurang menguasai bahasa Melayu disebabkan mereka menggunakan bahasa pertama iaitu bahasa Mandarin apabila berada di sekolah dan juga di rumah. Saya wajibkan mereka berkomunikasi dalam bahasa Melayu apabila tiba mata pelajaran bahasa Melayu. Aktiviti bercerita misalnya banyak membantu murid saya menguasai kosa kata bahasa Melayu” (K2/G1/TB1)

“Saya sedar murid-murid saya ni lemah dalam berbahasa Melayu. Saya sedaya upaya meghubungkaitkan kehidupan harian mereka melalui komunikasi dalam BM. Saya galakkan mereka melayari internet dalam bahasa Melayu dan menonton cerita dalam bahasa Melayu sebagai tugas untuk menulis karangan ataupun kerja rumah mereka”. (K2/G2/TB2)

“Saya dapat lihat murid-murid saya bercakap dalam bahasa Melayu apabila di kantin sebab pekerja kantin menggunakan bahasa Melayu. Dengan kawan-kawan yang bukan Cina, mereka juga menggunakan BM atau BI apabila berkomunikasi. Situasi ini agak membanggakan walaupun jarang-jarang kita lihat. pergaulan murid banyak membantu mereka menguasai BM dengan baik.” (K3/G3/TB2)

### **Dapatan Kajian bagi Menjawab Soalan Kajian Ketiga**

Kemahiran menulis menggunakan bahan sastera menunjukkan murid-murid Tahun 3 tahap 1 SJKC menyukai tajuk karangan jenis penceritaan keperihalan. Justeru, dapatan kajian jelas menunjukkan minat murid adalah positif ke arah penulisan bentuk naratif. Pemerhatian semasa PdP kemahiran menulis bahasa Melayu dijalankan menunjukkan pengajaran guru yang kurang menggunakan bahan sastera menyebabkan murid lemah menguasai kemahiran menulis. Guru-guru bahasa Melayu juga kurang menekankan penggunaan bahan-bahan sastera melalui aplikasi talian pintar di bilik darjah.

Namun demikian, pemerhatian PdP di bilik darjah menunjukkan murid-murid Tahun 3 seronok belajar kemahiran menulis bahasa Melayu apabila guru menyediakan bahan bantu seperti animasi cerita dan bahan-bahan digital di dalam kelas. Guru juga menayangkan cerita gambar bersiri bagi menarik minat murid terhadap tajuk karangan penceritaan. Murid dapat mencatatkan isi karangan dan menyusun isi mengikut perenggan. Murid dapat membuat ayat bila guru menyuruh murid meramal dan membayangkan cerita tersebut seolah-olah murid pernah mengalaminya atau menceritakan semula pengalaman mereka sesuai dengan tajuk karangan.

Contoh transkrip temu bual peserta kajian murid:

“Kami tidak ada guna buku cerita masa tulis karangan.” (K1/M1/TB1)

“Saya cuma suka tulis karangan cerita, lain saya tidak suka tulis panjang- panjang, saya tidak tahu.” (K2/M2/TB1)

“Boleh tahu cerita bila tengok gambar, senang tulis ayat.” (K2/M2/TB2)

“Saya boleh tulis ayat, bila sama-sama buat dengan kawan. Kawan boleh ajar saya boleh buat, cikgu juga ada tolong.” (K2/M3/TB2)

Triangulasi keputusan ujian pra dan ujian pos kemahiran menulis bagi ketiga-tiga kelas Tahun 3 Tahap 1 SJKC juga menunjukkan peningkatan pencapaian kemahiran menulis. Tajuk karangan yang diajarkan guru ialah karangan jenis penceritaan atau keperihalan. Ujian pra kemahiran menulis hanya diberi tajuk karangan jenis penceritaan yang bertemakan “Keluarga Saya” tanpa aktiviti simulasi bercerita bersama rakan dan tanpa bahan bantu. Seterusnya, ujian pos kemahiran menulis juga bertemakan “Keluarga Saya” melalui simulasi bercerita bersama rakan, serta bahan bantu animasi cerita melalui akses internet di bilik darjah yang berkaitan dengan tajuk karangan. Dapatan yang diperolehi daripada ketiga-tiga kelas selepas ujian pos kemahiran menulis adalah sangat menggalakkan.

**Jadual 4.1** Pencapaian ujian pra dan ujian pos kemahiran menulis Bahasa Melayu tahun 3 tahap 1

Markah /Gred	Ujian Pra			Jumlah	Ujian Pos			Jumlah	Julat
	K1	K2	K3		K1	K2	K3		
80-100 (A)	2	2	1	5	6	8	8	22	17
65-79 (B)	12	11	10	33	19	18	14	51	18
50-64 (C)	10	12	13	35	5	6	6	17	18
40-49 (D)	3	5	2	10	-	-	2	2	9
0-39 (E)	2	2	4	8	-	-	-	-	8
TH	1	-	-	1	-	-	-	-	1
Jumlah murid	30	32	30	92	30	32	30	92	-

Jadual di atas menunjukkan pencapaian ujian pra dan ujian pos kemahiran menulis bahasa Melayu Tahun 3 Tahap 1 SJKC bagi ketiga-tiga kelas kajian. Ujian pra bagi K1, K2 dan K3, bilangan murid mendapat gred A= 5 orang, gred B =33 orang, gred C=35 orang, gred D=10 orang, gred E=8 orang dan tidak hadir (TH)=1 orang. Jumlah keseluruhan bilangan murid ialah 92 orang. Namun demikian, pencapaian dalam ujian pos kemahiran menulis bahasa Melayu Tahun 3 Tahap 1 SJKC berlaku peningkatan dengan mencatatkan bilangan murid mendapat gred A=22 orang, gred B=51 orang, gred C=17, gred D=1 orang. Jumlah keseluruhan bilangan murid ialah 92 orang.

## RUMUSAN DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan murid Tahun 3 Tahap 1 di SJKC suka aktiviti menulis karangan dan dapat menguasai kemahiran menulis bahasa Melayu dengan baik walaupun penguasaan bahasa Melayu secara lisan murid SJKC lemah. Di samping itu, murid dapat menguasai kemahiran menulis mekanis menggunakan tulisan berangkai dalam bentuk huruf, perkataan dan frasa sebagaimana yang termaktub dalam DSKP Bahasa Melayu Tahun 3 SJKC. Dapatan ini selari dengan kajian Hashim Othman (2005) dan Hashim Othman et.al (2015) yang mendapati bahawa murid di sekolah rendah dapat menguasai kemahiran menulis bahasa Melayu dengan menulis suku kata membentuk perkataan dan seterusnya frasa kata dan membina ayat mudah.

Seterusnya, dapatan kajian memperlihatkan guru melaksanakan PdP kemahiran menulis perkataan, frasa, dan ayat yang bermakna. Murid juga dapat membina dan menulis ayat dan perenggan. PdP kemahiran menulis murid sekolah rendah merupakan medium yang dapat membantu meningkatkan potensi kemahiran berbahasa murid seterusnya meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kesinambungan penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan seterusnya menzahirkan cetusan idea, pendapat dan perasaan



mereka melalui tulisan (Abdul Rasid Jamian, 2011; dan Adenan Ayob & Khairuddin Mohamad, 2012; Celinea Lasan & Zamri Mahamod, 2017)

Di samping itu, penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid di SJKC adalah sederhana. Menurut Abdul Rasid dan Zulkafli (2008), masalah menguasai kemahiran menulis menjadikan murid lemah dan tidak berminat dalam mata pelajaran bahasa Melayu adalah akibat ketidakcekapan mereka menguasainya. Murid kurang yakin apabila berkomunikasi dalam bahasa Melayu, lebih mudah menggunakan bahasa pertama dan bahasa Inggeris dalam pertuturan seharian. Namun demikian, murid akan menggunakan bahasa kedua iaitu bahasa Melayu ini apabila dalam keadaan tertentu terutamanya apabila berurusan di kantin sekolah serta melaksanakan tugas bahasa Melayu. Dapatkan kajian ini juga seiring dengan dapatkan kajian Nor Hasbiah Ubaidullah, Norhayati Mahadi dan Lee (2013) yang mendapati bahawa sesetengah pelajar bukan Melayu menjadi malas dan juga kurang bersedia untuk menulis, membaca dan bertutur dalam bahasa Melayu kerana persekitaran pembelajaran mereka berakar umbi dari pembelajaran bahasa pertama.

Hasil ujian pos menunjukkan karangan jenis penceritaan atau keperihaln dengan berbantuan bahan sastera iaitu cerita bergambar dapat membantu murid menulis karangan dengan baik berbanding sebelumnya dalam ujian pra yang dilaksanakan tanpa bahan sastera. Keputusan ujian pos murid sangat menggalakkan dalam membentuk pembelajaran bermakna walaupun pencapaian murid pada tahap sederhana. Pembelajaran bermakna di dalam bilik darjah berlaku apabila murid terlibat secara aktif dalam proses membina makna bukannya proses menerima maklumat sekadar memenuhi kehendak dan menghafal maklumat semata-mata (Aejaz Masih & Bushra Hussain, 2013; Celinea Lasan & Zamri Mahamod, 2019). Dapatkan ini juga selari dengan teori konstruktivisme iaitu murid secara semula jadi mempunyai motivasi intrinsik (*intrinsic motivation*) untuk belajar dan membangun pembelajaran mereka melalui pemikiran yang kritis sebagai pembelajaran sebenar (*real-life learning*) (Jonassen, 1999; Gagnon & Collay, 2006)

Pencapaian murid yang sederhana ini juga menunjukkan murid masih dapat membina dan menulis karangan berdasarkan tugas yang diberikan. Murid juga berupaya membanding beza dan mencatat maklumat tentang sesuatu perkara. Murid dapat menulis sesuatu yang diimplakkan perkataan, frasa dan ayat. Kebanyakan tulisan murid bersih, kemas, tersusun dan dapat dibaca. Penulisan tanda baca juga dapat dikuasai murid dengan baik. Murid juga suka menulis terutama melengkapkan ayat dan menyambung cerita. Seterusnya, murid dapat membina ayat lengkap dan gramatis dengan bimbingan guru dan rakan sebaya. Dapatkan ini juga menunjukkan guru bahasa Melayu di SJKC telah berjaya mewujudkan PdP yang menyeronokkan. Kediaan guru bahasa Melayu mengaplikasikan pembelajaran menyeronokkan dapat meningkatkan prestasi pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu (Abdul Rasid Jamian & Hasmah Ismail, 2013; Celinea Lasan & Zamri Mahamod 2018).

Dapatkan kajian ini mendapat bahawa murid kurang menyukai penulisan berbentuk puisi dan murid kurang menyukai karangan bukan naratif. Murid tidak dapat membezakan puisi, sajak dan pantun. Pemerhatian di bilik darjah dan temu bual bersama peserta kajian murid dan guru menunjukkan murid suka tajuk karangan jenis naratif. Murid tidak menyukai karangan yang memerlukan mereka menulis ayat panjang. Murid juga kurang didedahkan dengan penggunaan bahan sastera melalui akses digital sesuai dengan disiplin RI 4.0 dalam PdP kemahiran menulis.

Namun demikian, guru merasakan PdP kemahiran menulis mereka di dalam kelas menjadi mudah dan murid cepat memahami isi pelajaran dengan menggunakan tautan perkembangan teknologi automasi dan pengkomputeran sebagai bahan bantu PdP. Guru hanya perlu membimbing murid di awal aktiviti kemahiran menulis berbantuan bahan sastera digital, kemudian murid dapat menjelaskan isi karangan dengan baik. Murid juga dapat menghasilkan kerangka penulisan karangan berpandu dan separa berpandu sebagaimana yang termaktub dalam DSKP Bahasa Melayu Tahun 3 SJKC. Dengan demikian, permasalahan dalam menguasai kemahiran menulis

bahasa Melayu dapat dipertingkatkan. Guru yang kreatif dan inovatif akan berusaha membina persekitaran yang kondusif dan memberikan motivasi agar murid terus belajar sesuai dengan perkembangan pendidikan semasa dalam era teknologi dan komunikasi (Abdul Rasid Jamian, 2011; Celinea Lasan & Zamri Mahamod, 2019)

Di samping itu, murid dapat menyusun ayat bagi membentuk perenggan dengan bantuan guru dan rakan sebaya secara PdP kolaboratif dan koperatif. Murid juga berupaya mengedit dan memurnikan penulisan ejaan, tanda baca dan penggunaan imbuhan melalui gabungan teknologi automasi dan kecerdasan digital dalam RI 4.0. Murid akan dapat menguasai karangan jenis penceritaan yang berfokuskan, diri, keluarga dan masyarakat melalui rakaman animasi cerita yang mereka pernah tonton. Pengolahan cerita yang dihasilkan oleh murid adalah melalui pengalaman lalu, imaginasi dan meramal kajian masa depan (KMD) mereka, malahan murid semakin menyukai karangan jenis cerita ramalan masa depan dapat direalisasikan apabila PdP di dalam bilik darjah dirangkaikan dengan tautan digital RI 4.0. Penulisan yang dihasilkan oleh murid walaupun ringkas, berbentuk ayat mudah, namun jelas dan bermakna.

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, PdP kemahiran menulis bahasa Melayu di SJKC perlu dipertingkatkan melalui kerjasama semua pihak. Guru-guru bahasa Melayu perlu mempersiapkan diri dengan mengaplikasikan strategi dan kaedah PdP yang pelbagai serta bersesuaian dengan kesediaan murid. Pelaksanaan PdP yang sesuai serta berkonsepkan PdP abad ke-21 serta inovasi PdP IR 4.0 tidak semestinya bergantung sepenuhnya kepada teknologi yang tinggi tetapi lebih kepada kreativiti dan inovasi penyampaian guru. Guru-guru bahasa Melayu perlu peka dengan perubahan perkembangan global pendidikan. Tuntutan perubahan pelaksanaan PdP tidak hanya merangkumi aspek-aspek ruang pembelajaran dan kaedah pengajaran bahasa, malahan guru perlu memahami dan mengaplikasikan kurikulum yang lebih organik dan fleksibel terhadap kumpulan murid yang menuturkan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Di samping itu, dalam PdP kemahiran menulis bahasa Melayu, murid perlu dibimbing menyusun ayat bagi membentuk perenggan. Dengan demikian, murid akan berupaya mengedit dan memurnikan penulisan ejaan, tanda baca dan penggunaan imbuhan. Murid SJKC Tahap I perlu dibimbing menguasai kemahiran menulis bahasa Melayu melalui pengolahan cerita berdasarkan pengetahuan sedia ada (PSA) imaginasi futuristik dan meramal kajian masa depan (KMD). Usaha ini dapat membantu meningkatkan penguasaan bahasa Melayu murid SJKC dalam semua aspek kemahiran berbahasa.

## RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian & Zulkafli Abu Zarin. (2008). Keupayaan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid sekolah rendah kebangsaan luar bandar. Kertas kerja di Konvensyen Pendidikan Nasional 2008. Universiti Pendidikan Sultan Idris. 2 – 4 Jun 2008.
- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid-Murid Sekolah Rendah di Luar Bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1): 1-12.
- Abdul Rasid Jamian & Hasmah Ismail. (2013). Pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(2): 49-63.
- Abdull Shukor Shaari, Nuraini Yusoff, Mohd. Izam Ghazali, & Mohd. Hasani Dali. (2011). Kanak-kanak Orang Asli di Malaysia: Mengapainya Literasi bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(2): 59-70.
- Aejaz Masih & Bushra Hussain. (2013). Continuous and Comprehensive Evaluation (CCE) System: A Move towards Constructivism. *Advanced International Research Journal of Teacher Education*, 1(1): 20-24.
- Bogdan, R.C., & Biklen, S.K. (2007). *Qualitative research for education: An introduction to theory and methods*. 5th Edition. Boston: Allyn & Bacon.

- Celinea Lasan & Zamri Mahamod (2016). Amalan pembelajaran reciprocal bahasa Melayu dalam konteks bilik darjah di Malaysia (*Malay language reciprocal learning practice in the context of Malaysian classroom*). *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu Kali Ke-5*, hlm.255-268. ISBN: 978-983-2267-49-2.
- Celinea Lasan & Zamri Mahamod (2017). Malay language reciprocal learning at the national primary schools in Sarawak: A case study of primary school students. *International Journal of Current Research*, 9(11): 60766-60774. ISSN: 0975-833X.
- Celinea Lasan & Zamri Mahamod. (2018). Pembelajaran timbal balik bahasa Melayu dalam kalangan murid peribumi Bidayuh di Sarawak. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 43(2): 1-16
- Celinea Lasan & Zamri Mahamod. (2019). Amalan Membaca Timbal Balik Murid Etnik Bidayuh. Bangi, Selangor: Penerbit UKM.
- Duffy, G. (2002). The case for direct explanation of strategies. In C. Block & M. Pressley (Eds.). *Comprehension instruction: Research-based best practices* (pp. 28–41). New York: Guilford Press.
- Duke dan Pearson (2002). *Effective Practices for Developing Reading Comprehension* from Whart Research Has to Say About Reading Instruction, Third Edition, International eading Association.
- Faridah Mohamad Sopah. (2015). Amalan kreativiti, gaya kognitif kreatif, pengaruh faktor pembelajaran dan pencapaian pelajar pintar akademik. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Gagnon, G.W., & Collay, M.J. 2006. *Constructivist learning design: Key questions for teaching to standards*. Thousand Oaks, California: Sage Publications Inc.
- Gardner, R.C. (2007). Motivation and second language acquisition. *Porta Linguarum* 8(1): 9-20.
- Jonassen, D.H. (1999). Designing Constructivist Learning Environments. In C.M Reigeluth (Ed), *Instructional design theories models: Their current state of the art*. (2<sup>nd</sup> Edition). Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Juriah Long. (2002). *Pendidikan bahasa Melayu: Antara hasrat dengan pelaksanaan*. Bangi: Penerbit UKM.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2011). Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR): Kuala Lumpur.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. September 2012.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan .
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK): Kuala Lumpur.
- Merriam, S.B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. San Francisco, California: John Wiley & Sons.
- Nazeri Mohammad. (2014). Faktor Personaliti kreatif, komitmen pengajaran, amalan operasi metakognisi, dan pengajaran kreatif dalam kalangan guru Kemahiran Hidup. Tesis Doktor Falsafah, UKM, Bangi.
- Oczkus, L.D. (2010). *Reciprocal teaching at work: Powerful strategies and lessons for improving reading comprehension* (2nd ed.). Newark, DE: International Reading Association.
- Palincsar, A., & Brown, A. (1984). Reciprocal teaching of comprehension-fostering and comprehension-monitoring activities. *Cognition and Instruction*, 1, 117-175.
- Schunk, Dale H. (2000), *Learning Theories An Educational Perspective*. Six Editions. Boston: Pearson Education.
- Othman Lebar. (2012). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod*. Edisi Keempat. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.
- Yin, R.K. (2014). *Case study research: Design and methods*. 5th Edition. Thousand Oaks, California: SAGE Publications Inc.

